

Agenda Imperialisme dalam Malaysia Pascamerdeka

The Imperialism Agenda in Post-Independent Malaysia

Mohd Shazwan Mokhtar^{①1}

¹ Pusat Kajian Sejarah, Politik dan Hal Ehwal Antarabangsa
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
(^①msm@ukm.edu.my)

ABSTRAK

Penulisan ini meneliti legasi kolonial British dalam pembentukan dan pembangunan Malaysia dengan memberi tumpuan kepada wacana penyahjajahan dalam historiografi dan ekonomi politik negara. Walaupun Malaysia mencapai kemerdekaan pada tahun 1957 dan dibentuk secara rasmi pada tahun 1963, struktur institusi politik, ekonomi dan epistemologi yang diwarisi daripada pentadbiran kolonial terus mempengaruhi trajektori pembangunan negara. Penulisan ini menggunakan pendekatan analisis sejarah kritikal berasaskan penelitian terhadap rekod kolonial, penulisan sarjana tempatan dan antarabangsa, serta wacana dasar pasca merdeka bagi menilai kesinambungan dan transformasi legasi tersebut. Perbincangan memfokuskan empat dimensi utama: (1) *grand design* British dalam pembentukan negara dan kerangka masyarakat majmuk; (2) polemik naratif "Tanah Melayu tidak dijajah" dan implikasinya terhadap kefahaman kedaulatan; (3) pembentukan struktur ekonomi berasaskan pengeluaran komoditi dan peranan Malaysia dalam rangkaian ekonomi imperial; serta (4) kedudukan Tanah Melayu/Malaysia dalam blok Sterling sebagai manifestasi kesinambungan ekonomi imperial pasca 1957. Analisis menunjukkan bahawa proses penyahjajahan yang berlaku bersifat berperingkat dan terhad, dengan sebahagian struktur imperial kekal berfungsi dalam bentuk baharu melalui mekanisme perdagangan, kewangan dan kerangka institusi. Penulisan ini berhujah bahawa memahami legasi kolonial secara empirikal dan kritikal bukan bertujuan menafikan pencapaian kemerdekaan, tetapi untuk memperkukuh wacana kebangsaan berteraskan sumber primer serta membina dasar yang lebih berdaulat. Dengan menilai semula naratif sejarah dari lensa tempatan tanpa menolak sepenuhnya sumber kolonial, penulisan ini menyumbang kepada perbincangan kontemporari tentang dekolonisasi, pembinaan negara bangsa dan kedaulatan dalam konteks pascakolonial.

KATA KUNCI:

imperialisme, penyahjajahan, ekonomi politik, sejarah, Malaysia

ABSTRACT

This article examines the British colonial legacy in the formation and development of Malaysia, with particular attention to decolonization discourses in historiography and political economy. Although Malaysia achieved independence in 1957 and was formally established in 1963, inherited political, economic, and epistemological institutional structures continue to shape its development trajectory. The study employs a critical historical analytical approach based on colonial records, local and international scholarship, and post-independence policy discourse to assess both continuity and transformation within this colonial legacy. The discussion focuses on four dimensions: (1) the British grand design in shaping state formation and a plural society framework; (2) the contested claim that “Malaya was not colonized” and its implications for sovereignty narratives; (3) the development of a commodity-based economic structure and Malaysia’s integration into imperial economic networks; and (4) Malaya/Malaysia’s position within the Sterling Bloc as evidence of continued imperial economic linkage after 1957. The analysis suggests that decolonization was gradual and partial, with key imperial structures persisting in modified forms through trade, finance, and institutional arrangements. The article argues that critically engaging with the colonial legacy is not intended to negate the achievements of independence, but to strengthen national discourse grounded in primary sources and to support more sovereign policy orientations. By re-evaluating historical narratives from a locally grounded perspective while not totally rejecting colonial sources, this study contributes to ongoing debates on decolonization, nation-building, and sovereignty in postcolonial contexts..

KEYWORDS:

imperialism, decolonisation, political economy, history, Malaysia

1.0 Pengenalan

Penjajahan British merupakan tempoh yang panjang yang dihadapi oleh negeri-negeri Melayu, termasuklah Sabah dan Sarawak, sehinggalah pembentukan Malaysia pada tahun 1963. Antara cabaran yang dihadapi pascatempoh tersebut adalah kesan dan legasi kolonial yang ditinggalkan pihak penjajah, sama ada dalam konteks ekonomi, sosial mahupun politik. Oleh itu, wacana dekolonialisasi menjadi medan untuk mencerakinkan falasi ilmu Barat dalam memerihalkan sejarah negara, mahupun untuk membina semula naratif negara berdasarkan kaca mata peribumi atau tempatan yang lebih adil. Dalam perbincangan pembentukan negara bangsa Malaysia, sejarah merupakan elemen penting yang mencorak citra Malaysia sebagai sebuah negara Persekutuan yang mempunyai kepelbagaian kaum, bahasa budaya dan agama (Abdul Rahman, 2012).

Dalam wacana sejarah pula, wacana dekolonialisasi bukanlah sesuatu yang baharu. Terdahulu Zainal Abidin (1991) mengulas isu ini telah selesai dibahaskan oleh ahli sejarawan, bahkan merupakan salah satu agenda penubuhan Jabatan Sejarah di Universiti Kebangsaan Malaysia pada tahun 1970. Namun, wacana ini mungkin agak tenggelam belakangan ini apabila kurangnya penumpuan penyelidikan sejarah dalam negara. Merujuk semula kepada wacana Zainal Abidin, dalam mendepani isu pertikaian sejarah negara yang berpusatkan tempatan (*Malaysian-centric*), terdapat keperluan untuk meneroka sumber sejarah tempatan yang bersifat primer bagi menggantikan naratif berpusatkan Eropah (*Eurocentric*). Walau bagaimanapun, wacana dekolonialisasi atau lebih tepat penyahjajahan pada hari ini tidak membawa bukti baharu untuk diketengahkan. Hal ini demikian, sejarah merupakan elemen penting dalam membina bangsa dan menerapkan faham kebangsaan. Justeru, satu perkara yang wajar

dipertimbangkan adalah perbandingan antara hasil penulisan yang berkiblatkan penjajah dengan sumber sejarah (dokumen primer) yang ditinggalkan oleh penjajah. Terdapat pula, pandangan untuk menolak sepenuhnya sumber sejarah kolonial. Namun, sumber ini penting untuk mengetahui dan memahami hakikat penjajahan yang berlaku, kerana sumber ini wujud untuk mencapai matlamat penjajahan itu sendiri (Milner, 1987). Oleh sebab itu, seseorang pengkaji perlu berhati-hati dalam menggunakannya sebagai sumber. Boleh disimpulkan, kedua-dua sumber ini, mempunyai konotasi berbeza. Masalah timbul apabila, kebergantungan terhadap hasil penulisan penjajah (misalnya Farish A., 2022), berbanding sumber primer. Namun, bagaimana pula dengan hasil penulisan orientalis seperti John Crawford yang membawa pandangan seperti “memang munasabah jika kawasan yang paling ramai dihuni oleh orang Melayu di Nusantara ini dianggap sebagai tanah induk orang Melayu”? (Ahmat, 2013).

2.0 Penyahjajahan Barat dalam pembangunan Malaysia?

"Kaum kita pada keseluruhannya masih sangat kekurangan tentang sifat kuat berusaha, bekerja dan berbuat sendiri sesuatu kewajipan dengan penuh percaya akan kebolehan sendiri, bersamaan tentang hal-hal dunia dan hal-hal agama " (Zainal Abidin, 2018).

Zainal Abidin Ahmad atau Za'ba merupakan anak Melayu pertama yang mengkritik isu kemiskinan pada zaman British pasca Perang Dunia Pertama. Penulisan Za'ba merupakan catatan sejarah penting yang digunakan oleh ahli ekonomi pasca merdeka untuk memahami masalah kemiskinan, khususnya dalam kalangan orang Melayu dan kaedah untuk mengatasinya. Ungku Aziz misalnya, telah mengetengahkan sumbangan Za'ba dalam memelopori penyahjajahan British secara halus, iaitu melalui penulisan.

Keperluan untuk menyusun semula masyarakat dan pembasmian kemiskinan Melayu merupakan usaha penyahjajahan legasi kolonial yang cuba dicapai dalam pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru. Antara sebab masalah ini berlaku adalah diskriminasi dalam dasar pendidikan kolonial yang melemahkan intelektual Melayu dengan kemahiran asas. Selepas tahun 1969, purata pendapatan orang Melayu (selain sektor kerajaan) lebih rendah jika dibandingkan dengan kaum lain (Ungku A., 1987). Dapatan seumpama ini, mempersoalkan integriti ilmiah terhadap pandangan yang mengkritik gerakan nasionalis yang membicarakan kebajikan dan taraf hidup penduduk peribumi yang mundur ketika era penjajahan (Booth, 2007). Bahkan, dalam penelitian Mohd Shazwan (2023) terhadap sumber kolonial, juga membuktikan aspek diskriminasi yang sama. Bahkan isu perbezaan gaji antara kaum dalam sektor tertentu juga bukan masalah baharu yang dihadapi Malaysia hari ini, tetapi telah wujud sejak era kolonial lagi.

Pusat Rujukan Persuratan Melayu (PRPM) menguraikan penyahjajahan sebagai satu bentuk pengurangan kuasa dan penghakisan kuasa penjajah melalui proses yang berperingkat dalam aspek sosial, ekonomi dan politik. Istilah penyahjajahan ini juga boleh dikaitkan dengan konteks dekolonialisasi yang merupakan isu global sejak tamat Perang Dunia Kedua. Sejak tahun 1955, Kerajaan British berhadapan dengan cabaran untuk memerdekakan tanah jajahan yang kecil dan melaksanakan usaha membawa masuk bekas tanah jajahan ke dalam Komanwel (Mohd, 2016). Sementara itu, Deklarasi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) (1514: XV) pada tahun 1960 iaitu *Declaration on granting of independence to colonial countries and peoples* merupakan titik penting proses penyahjajahan yang berlaku di kebanyakan koloni Eropah.

Agenda global ini berkembang ketika berlakunya persaingan kuasa dalam era Perang Dingin, khususnya antara Amerika Syarikat dengan Kesatuan Soviet. Di sebalik agenda tersebut, negara bekas koloni ini hanya bebas dalam enklaf imperialisme baharu yang direncanakan kuasa-kuasa besar.

Misalnya, kebergantungan dengan pasaran Eropah untuk pembangunan ekonomi dan terus menjadi pembekal bahan mentah untuk industri pembuatan, khususnya ketenteraan. Tanah Melayu misalnya, walaupun telah mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957, British masih lagi mengekalkan 'penjajahan matawang' dengan mengekalkan Tanah Melayu dalam blok Sterling. Hal ini demikian kerana, hasil pendapatan dolar Malaya yang dapat menampung defisit perdagangan British dengan Amerika Syarikat (Sutton, 2016).

3.0 Legasi Kolonial

Hakikat pengaruh penjajahan British terhadap Malaysia baik dari segi politik, ekonomi dan kemasyarakatan tidak boleh dinafikan (Zainal Abidin, 1991). Terdapat beberapa legasi kolonial lain yang boleh disorot dalam konteks perbincangan:

3.1 Grand Design dan Pembentukan Negara

Grand design merupakan idea Malcom MacDonald untuk mempengaruhi masyarakat awam tentang idea penyatuan wilayah oleh British. Idea ini cuba membawa satu bentuk penggabungan wilayah jajahan di Asia Tenggara pasca Perang Dunia Kedua, kerana British masih mahu pertahankan kepentingan melalui pemberian 'kemerdekaan yang barangkali bersifat *superficial*'. Walaupun Tunku Abdul Rahman menolak idea 'Grand Design', Persekutuan Tanah Melayu (PTM) pascakemerdekaan tetap cuba mengurangkan kebergantungan kepada British. Namun, usaha tersebut tidak mampu dijayakan sepenuhnya, khususnya dalam aspek pertahanan dan bantuan tenaga kerja. Oleh itu, PTM menggunakan model Ulster di United Kingdom, iaitu gabungan Ireland Utara bersama-sama England, Scotland, dan Wales. (Mohd, 2016).

Stockwell (2003) tidak menolak potensi kewujudan konspirasi 'neo-colonial' dalam agenda pembentukan Malaysia oleh British. Terutamanya melalui respon Presiden Sukarno yang melihat pembentukan Malaysia bermatlamat untuk mengukuhkan kedudukan ekonomi British dan kepentingan strategiknya di rantau ini. Walaupun, Stockwell cuba membuktikan wujudnya penurunan perniagaan, pelaburan dan kepentingan ekonomi British menjelang tahun 1960-an. Penelitian tersebut masih tidak mengetengahkan legasi kolonial yang wujud. Bahkan, sehingga tahun 1961, import United Kingdom masih lagi mendominasi pasaran Tanah Melayu berbanding negara Asia seperti Jepun, dan termasuklah Amerika Syarikat (White, 2010).

Ahmat (2013) cuba melihat dari sudut lain iaitu peranan British dalam membentuk bingkai pembentukan negara bangsa Malaysia yang mempunyai masyarakat majmuk, melalui pelaksanaan darurat pada pertengahan 1948. Antara naratif penting yang perlu dinilai semula adalah konteks hubungan kaum yang cuba dibina melalui permuafakatan dan toleransi dalam beberapa peristiwa penting dalam lipatan sejarah Malaysia. Contohnya, bagaimana tindakan British menterjemahkan saranan Jawatankuasa Antara Kaum (CLC) pada tahun 1949 dalam isu kewarganegaraan pada tahun 1951. Konteks toleransi dan pemberian persetujuan kaum peribumi dalam CLC ini semacam ditenggelamkan dalam naratif sejarah. Zainal Abidin (1991) mengulas aspek ini sebagai satu bentuk tolak ansur dengan melibatkan beberapa isu penting: (i) pengagihan calon Parti Perikatan dalam Pilihan Raya 1955, (ii) penerimaan prinsip jus soli sebagai hak kerakyatan dalam Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957.

3.2 Naratif "Tanah Melayu tidak dijajah"

Naratif sejarah pada masa kini juga melibatkan polemik mengelirukan pemahaman masyarakat awam berkaitan kedudukan Tanah Melayu yang dipercayai tidak dijajah. Sedar atau tidak, naratif ini sebenarnya semacam propaganda yang dibawa oleh pihak British ketika era penjajahan lagi, iaitu

mewujudkan suasana seperti tidak dijajah. Terdahulu, Smith (1995) meneliti agenda British mewujudkan hubungan antara pihak kolonial dengan pembesar tempatan untuk membentuk mekanisme imperial yang membawa kepada penjajahan. Strategi ini juga merupakan hasil pengalaman British sebelumnya di India yang menghapuskan institusi pemerintahan tempatan sebenarnya merugikan pihak kolonial. Penjajahan secara tidak langsung (*indirect rule*) merupakan naratif popular yang dibawa Frank Swettenham, wajar dinilai semula kerana naratif ini amat bertentangan dengan praktis yang dilakukan pihak kolonial seperti yang digambarkan dalam kebanyakan rekod-rekod Pejabat Kolonial menjelang tahun 1920-an. Di samping itu, pengalaman British berhadapan dengan penentangan Malayan Union, juga mempengaruhi keputusan Setiausaha Kolonial untuk meletakkan kedudukan Raja Melayu dalam *new constitutional arrangement* bagi Persekutuan Tanah Melayu yang Merdeka. Oleh yang demikian, kenyataan Tunku Abdul Rahman pada tahun 1978, bahawa Raja Melayu "*been given rights than they had once enjoyed in British colonial day*", menunjukkan wujudnya perbezaan kedudukan Raja Melayu antara zaman penjajahan dengan pasca merdeka.

3.3 Malaysia sebagai negara pengeluar

Sejak era penjarahan Syarikat Hindia Timur Inggeris (SHTI), struktur dan kegiatan ekonomi di negeri-negeri Melayu telah berubah daripada perdagangan/maritim kepada pengeluar bahan mentah. Penguasaan SHTI terhadap pelabuhan-pelabuhan utama seperti Pulau Pinang dan Singapura, telah mengakibatkan aktiviti ekonomi peribumi Melayu mula bertumpu di kawasan pendalaman. Peribumi mula menjadi pembekal bahan mentah untuk pelabuhan kolonial.

Sehingga abad ke-20, keadaan ini menjadikan Tanah Melayu berperanan sebagai pengeluar timah dan getah. Oleh sebab itu, risiko penurunan harga pasaran kedua-dua komoditi tersebut sering memberi risiko kepada keadaan sosioekonomi tempatan. Legasi kolonial ini mempengaruhi tindakan campur tangan kerajaan Malaysia menjelang tahun 1960-an, dalam melakukan reformasi struktur ekonomi negara. Antaranya melakukan diversiti dalam sektor ekonomi untuk mengurangkan kebergantungan eksport timah dan getah. Misalnya, galakan penanaman sawit melalui Felda, membuka ruang kepada peladang tempatan untuk menceburi penanaman sawit yang sebelum ini hanya dibenarkan untuk syarikat Eropah ketika era penjajahan British (Jomo & Wee, 2014; Mohd Shazwan, 2022).

3.4 Malaysia dalam Blok Sterling

White (2016) menunjukkan walaupun empayar British mula memasuki era penyahjajahan menjelang tahun 1950-an, sistem ekonomi imperial masih lagi berfungsi. Tanah Melayu masih bergantung dengan pelaburan dari United Kingdom, dan eksport getah dan timahnya masih terus bertumpu dalam pasaran United Kingdom dan blok Sterling yang lain. Bentuk simbiosis ini merupakan legasi kolonial yang masih kekal sehingga tahun 1960-an. Kepentingan imperial British mengekalkan Tanah Melayu dalam blok Sterling ini adalah untuk 'the desire to maintain Malaya's dollar earnings and manage its sterling balances was clearly a central'. Oleh sebab itu, sistem mata wang yang diperkenalkan British pada tahun 1952 yang membentuk 'Malayan currency area' antara Persekutuan Tanah Melayu dengan Sarawak, Borneo Utara dikekalkan pasca 1957 (Chiang, 1967).

4.0 Kesimpulan

Penelitian mendalam dalam rekod kolonial yang tersimpan sama ada di Malaysia mahupun di United Kingdom menunjukkan sifat penjajahan British adalah untuk mencapai kepentingannya. Walaupun, menjelang tahun 1930-an, wujud dasar pro-Melayu seperti melalui penubuhan koperasi, matlamat akhirnya adalah untuk memastikan Tanah Melayu kekal mempunyai kapasiti untuk menyerap import dari United Kingdom. Legasi ini wujud sehingga pasca pembentukan Malaysia dan seterusnya

mencapai puncak pada tahun 1980-an, apabila dasar Buy British Last dilancarkan kerajaan Malaysia (Pejabat Perdana Menteri, 2008). Begitu juga, usaha memilik negarakan aset perniagaan negara melalui serangan subuh pada 1981 (Shakila & White, 2010). Oleh yang demikian, terdapat banyak lagi ruang untuk meneliti agenda imperial British yang masih tersembunyi pasca kemerdekaan Tanah Melayu hinggalah setelah Malaysia dibentuk pada tahun 1963.

Pada masa yang sama, hakikat legasi kolonial yang masih wujud pada masa kini harus diterima, bukanlah bermaksud untuk mengiktirafnya, tetapi sebagai iktibar dalam proses pembentukan negara bangsa Malaysia yang masih muda umurnya. Tanpa pemahaman yang jelas dan pembuktian sejarah yang empirikal, polemik yang berlaku dalam kalangan masyarakat, yang asas masalahnya berpunca daripada kesan kolonial, tidak akan dapat diselesaikan dengan tuntas.

Justeru, wacana penyahjajahan dalam pelbagai disiplin ilmu wajar diteruskan, bukan sahaja untuk membina naratif sejarah negara yang bertumpu Malaysia, malah untuk mengenal masalah legasi kolonial yang wujud, supaya pengalaman sejarah pada masa lampau tidak diulang semula dan sebagai 'ramuan' penting dalam proses penggubalan dasar mahupun keputusan negara pada hari ini. Hal ini demikian kerana, banyak isu global yang berlaku hari ini mempunyai kesinambungan sejarah pada masa lampau.

Penghargaan

Penulisan ini telah dibentangkan dalam Dialog Kuasa Nasional Siri 4 anjuran IRIS Institute yang mengangkat tema "Pengaruh imperialisme British dalam pembentukan negara Malaysia" pada 20 September 2025. Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada penganjur dan peserta wacana yang menyumbang secara langsung mahupun tidak langsung dalam penambahbaikan penulisan ini.

Rujukan

- Abdul Rahman Embong. (2012). *Negara-bangsa: Proses dan Perbahasan*. Ed. Ke-2. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ahmat Adam. (2013). *Melayu, Nasionalisme Radikal dan Pembinaan Bangsa*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaysia.
- Booth, A.E. (2007). *Colonial Legacies: Economic and Social Development in East and Southeast Asia*. Honolulu: University of Hawai'i Press.
- Chiang, Hai Ding. (1967). *A History of Currency in Malaysia and Singapore*. In J. Purcal (Ed.). *The Monetary System of Singapore and Malaysia: Implications of the Split Currency*, pp. 1-9. Singapore: Stamford College Press Ltd.
- Farish A. Noor. (2022). *The Appendices of Empire: Why Writings from the Colonial Era Need to be Read in Their Entirety*. *Sejarah: Journal of History Department, University of Malaya* 31(1): 18-33.
- Jomo, K.S. & Wee, Chong Hui. (2014). *Malaysia@50: Economic Development, Distribution. Disparities*. Petaling Jaya: SIRD.
- Milner, A.C. (1987). *Colonial records history: British Malaya*. *Modern Asian Studies* 21(4): 773-792.
- Mohd Shazwan Mokhtar. (2022). *Peranan Jabatan Pertanian dan Diversiti Pertanian Kolonial di Tanah Melayu, 1920-1938*. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies* 49(3): 1-26.

- Mohd Shazwan Mokhtar. (2023). Pasaran Buruh dan Standard Hidup di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu ketika Kemelesetan Ekonomi, 1929-1938. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies* 50(3): 288-305.
- Mohd. Samsudin. (2016). *Persekutuan Malaysia 1961-1966*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Office of Historian. (T.th). *Decolonization of Asia and Africa, 1945-1960*. United States Department of State. <https://history.state.gov/milestones/1945-1952/asia-and-africa>
- Pejabat Perdana Menteri. (2008). Ucapan Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad dalam the Luncheon Hosted by the Confederation of British Industry, London, 23 Julai 1987. <https://www.pmo.gov.my/ucapan/?m=p&p=mahathir&id=1242>
- Shakila Yacob & White, N.J. (2010). The 'Unfinished Business' of Malaysia's Decolonisation: The Origin of the Guthrie 'Dawn Raid'. *Modern Asian Studies* 44(5): 919-960.
- Smith, S. C. (1995). *British Relations with the Malay Rulers from Decentralization to Malayan Independence 1930-1957*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Stockwell, A.J. (2003). Malaysia: The Making of a Grand Design. *Asian Affairs* 34(3): 227-242.
- Sutton, A. (2016). British Imperialism and Political Economy of Malaysia Independence. *The Journal of Imperial and Commonwealth History* 44(3): 470-491.
- Ungku A. Aziz. (1987). *Jejak-jejak di Pantai Zaman*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- United Nations. (T.th). *Decolonization*. <https://www.un.org/en/global-issues/decolonization>
- White, N.J. (2016). Malaya and Sterling Area Reconsidered: Continuity and Change in the 1950s. In Shigeru Akita & N.J. White (Eds). *The International Order of Asia in the 1930s and 1950s*, pp. 151-178. New York: Routledge.
- Zainal Abidin Abdul Wahid. (1991). *Sejarah Malaysia: Penafsiran dan Penulisan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zainal Abidin Ahmad. (2018). *Perangai Bergantung pada Diri Sendiri*. Ed. Khas. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.